

21 APR 2002

Mahathir-Pelaburan/I

K'JAAN TERUS BERI GALAKAN BAGI PELABURAN SWASTA DI BAHRAIN

Oleh: Mohd Arshi Daud dan Khairdzir Mohd Yunus

MANAMA (BAHRAIN), 21 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan Malaysia akan terus memberi galakan dan sokongan bagi pelaburan oleh sektor swasta di Bahrain.

"Bahrain menawarkan banyak peluang pelaburan kepada ahli perniagaan dan syarikat Malaysia, meliputi aktiviti carigali minyak dan gas, perbankan, kewangan dan kerja-kerja pembinaan," kata beliau.

Perdagangan Malaysia dengan Bahrain berjumlah hingga RM315.0 juta. Malaysia mengimport produk bernilai RM211.9 juta dari negara Teluk itu.

Ketika berucap pada perasmian pejabat Petronas di sini, Dr Mahathir berkata pembukaan Pusat Perdagangan Malaysia di Bahrain dan kegiatan hiliran Petronas di sini akan meningkatkan hubungan ekonomi antara kedua-dua negara.

Dalam pada itu, pemeteraian memorandum persefahaman (MOU) antara kedua-dua negara tahun lalu akan menghasilkan peningkatan hubungan dalam sektor perbankan dan kewangan berlandaskan Islam.

"Satu lagi memorandum persefahaman yang dimeterai tahun lalu memberi ruang kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk menyertai Projek Pelaburan Salman membabitkan AS\$500 juta," kata beliau.

Terdahulu, Perdana Menteri menyaksikan pemeteraian beberapa perjanjian antara syarikat Malaysia dan syarikat tempatan serta melawat produk Malaysia yang dipamerkan di satu daripada kompleks membeli-belah yang terbesar di Manama, Bahrain Mall.

Dr Mahathir juga melawat Geant Hypermarket, penyewa utama the Mall, yang menjual produk dari Malaysia.

Dalam ucapan ringkas pada majlis itu, Dr Mahathir berharap perkongsian yang dimeterai antara syarikat Malaysia dan syarikat tempatan akan berkekalan.

Beliau berkata penduduk Bahrain sudah biasa menggunakan produk berkualiti tinggi dan beliau menasihatkan syarikat-syarikat Malaysia supaya mengeksport ke Bahrain hanya produk bermutu tinggi.

Dr Mahathir juga berharap Malaysia dapat mengeksport pesawat ringan komposit "Eagle" buatan Malaysia ke Bahrain.

Beliau berharap pengeluarannya dapat mengadakan demonstrasi pesawat berkenaan di negara ini.

Perdana Menteri berkata pesawat kecil itu, yang boleh digunakan bagi rondaan atau melatih juruterbang, boleh dikendalikan dengan atau tanpa juruterbang.

-- BERNAMA

MAD/KHY FAZ